Tel : 04-2615669
: 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

# JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG
# PENANG BAR COMMITTEE

Court Liaison 14/24 30 Oct 2024

To Members and Pupils-In-Chambers of the Penang Bar,

**1. Power Outage at Butterworth Court Complex**
**2. Criminal & Civil Case Notice Dated November 18, 2024 and November 19, 2024**

We have received a letter from the Head of Cost Butterworth Court Complex, Tuan Zulhazmi Bin Abdullah dated 28 Oct 2024 pertaining to the power outage at Butterworth Court Complex effective 15 Nov 2024 entitled "*KERJA-KERJA PEMASANGAN BUS-DUCT DAN SEGALA KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN KOMPLEKS MAHKAMAH BUTTERWORTH, PULAU PINANG – PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK".*

Members are requested to take note that the Bar Room which is located at Level 1, Butterworth Court Complex will be vacated from 18 Nov 2024 to 19 Nov 2024 due to the maintenance works that will start on 15 Nov 2024.

Members are therefore advised to collect all their belongings from the Bar Room (if any) before 14 Nov 2024.

We have also received a letter from the Assistant Registrar, Butterworth Court Complex, Tuan Mohamad Azrul Bin Muhd Sobri dated 29 Oct 2024 pertaining to the Criminal & Civil Case Notice Dated 18 Nov 2024 and 19 Nov 2024.

The said letters are appended below for Members' attention and reference.

Members will be updated further as and when we receive additional information from the Courts.

Thank you.

**Carolyn Oh Li Lin**
**Chairman**
**Court Liaison Subcommittee**

KOMPLEKS MAHKAMAH BUTTERWORTH
JALAN BAGAN JERMAL,
12300 BUTTERWORTH,
PULAU PINANG.

Telefon : 04- 3106200
: 04- 3106201

*Laman Web : http://www.kehakiman.gov.my*
*Emel : butterworth@kehakiman.gov.my*

***Ruj.Tuan*** :

***Ruj.Kami*** : MAH/BW/100-7/1/3 Jld.2 (75)

***Tarikh*** : 28 Oktober 2024

Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang
No.4, First Floor, Greenhall
Jalan Greenhall
10200 Georgetown
Pulau Pinang

Tuan,

**KERJA-KERJA PEMASANGAN BUS-DUCT DAN SEGALA KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN KOMPLEKS MAHKAMAH BUTTERWORTH, PULAU PINANG**
**- PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan, kerja-kerja pemasangan bus-duct dan lain-lain kerja berkaitan di Kompleks Mahkamah Butterworth sedang dijalankan. Oleh itu , pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan menutup bekalan elektrik secara keseluruhan pada 15 November 2024 (8.00 malam) sehingga 19 November 2024.

3. Oleh itu, Jabatan ini ingin memohon jasa baik pihak tuan untuk mengosongkan Bilik Peguam di Aras 1 bagi tempoh dua (2) hari iaitu mulai pada 18.11.2024 sehingga 19.11.2024.

4. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan didalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZULHAZMI BIN ABDULLAH)**
Ketua Pusat Kos
Kompleks Mahkamah Butterworth

*(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)*

*Ruj.Kami* : MAH/BW/100-7/1/3 Jld. 2(15)

*Tarikh* : 28 Oktober 2024

s.k : Pengarah
Mahkamah Negeri Pulau Pinang

Hakim Mahkamah Sesyen Sivil (2) dan (3)
Kompleks Mahkamah Butterworth

Majistret
Mahkamah Majistret 1

Majistret
Mahkamah Majistret 2

Pegawai Keselamatan Jabatan
Mahkamah Negeri Pulau Pinang

Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan
Kompleks Mahkamah Butterworth

Gmail

Penang Bar Committee <penangbar@gmail.com>

## PEMAKLUMAN KES JENAYAH & SIVIL BERTARIKH 18 NOVEMBER 2024 DAN 19 NOVEMBER 2024

**Mohamad Azrul bin Muhd Sobri** <mohamadazrul@kehakiman.gov.my> 29 October 2024 at 14:29

MAHKAMAH SESYEN / MAJISTRET BUTTERWORTH
*Butterworth Sessions and Magistrate Court*
KOMPLEKS MAHKAMAH BUTTERWORTH
*Butterworth Court Complex*
JALAN BAGAN JERMAL
12300 BUTTERWORTH, PULAU PINANG

Telefon : 04-3106 200
: 04-3106 201

Laman Web : *http://www.kehakiman.gov.my/pulaupinang*

لسلام عليكم ***dan Salam Sejahtera,***

YBhg. YAA / YA / Tun / Tan Sri / Puan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN KES JENAYAH & SIVIL BERTARIKH 18 NOVEMBER 2024 DAN 19 NOVEMBER 2024**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara diatas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sambung bicara dan bicara kes tuntutan sivil akan dilapangkan dan ditukarkan secara ereview (online) untuk menetapkan tarikh bicara dan sambung bicara di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret. Bagi kes pelaksanaan akan dilapangkan pada tarikh tersebut ditangguhkan ke tarikh lain. Selain itu, kes-kes sebutan di dalam e-review dijalankan seperti biasa.

3. Untuk makluman Tuan/Puan, bagi prosiding jenayah Sesyen & Majistret akan dijalankan di Mahkamah Munisipal SeberangPerai bagi urusan jamin dan tuduh baru sahaja. Pembatalan OTP telah dimaklumkan kepada pihak Penjara. OKT yang telah dijamin dan pihak pendakwaan juga telah dimaklumkan penangguhan sebutan kes atau jatuh hukum ke tarikh yang lain. Bagi prosiding reman akan dijalankan di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara bermula pada 16 November 2024 (Sabtu) sehingga 19 November 2024 (Selasa).

4. Hal ini demikian, kerana pihak Mahkamah ini akan mengalami gangguan bekalan elektrik bermula 15 November 2024 sehingga 19 November 2024.

5. Kerjasama dari pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai.

Sekian terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
Saya yang menjalankan amanah,

**MOHAMAD AZRUL BIN MUHD SOBRI**
Penolong Pendaftar
Mahkamah Sesyen dan Majistret Butterworth
Pulau Pinang
Tel : 04-310 6200
Fax : 04-310 6210
Email : mohamadazrul@kehakiman.gov.my